

GUA MUSANG, 29 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI KELANTAN SEHARUSNYA MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS MANA-MANA KAKITANGAN AWAM NEGERI YANG MENYALAHGUNAKAN KEDUDUKAN MEREKA UNTUK TUJUAN POLITIK.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKIRANYA BERTANGGUNGJAWAB, SURUHANJAYA ITU SEPATUTNYA BERTINDAK KE ATAS KEGIATAN SESETENGAH PEGAWAI KERAJAAN YANG MENGGUNAKAN KEDUDUKAN MEREKA UNTUK BERKEMPEN POLITIK.

+KALAU MEREKA TIDAK BERTINDAK, SAYA TAK TAHU APA SEBABNYA DAN INI BERMAKNA MEREKA TIDAK BERTANGGUGJAWAB,+ KATANYA KETIKA DITANYA MENGENAI ADANYA PEGAWAI DAERAH DI NEGERI INI YANG MENGGUNAKAN JENTERA KERAJAAN UNTUK BERKEMPEN DALAM POLITIK.

BELIAU BERKATA DEMIKAN KETIKA DITEMUI SELEPAS PERJUMPAAN DENGAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI DEWAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN GUA MUSANG DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU AMAT DUKACITA DENGAN TINDAK-TANDUK SESETENGAH PEGAWAI DAERAH YANG MENGGUNAKAN WANG KERAJAAN UNTUK BERKEMPEN BAGI PARTI PEMBANGKANG ATAU UNTUK KEPENTINGAN DIRI. -- LAGI

1220MST 29 09 90

0037

U 8856 AAB MEX
MAHATHIR - PEGAWAI 2 GUA MUSANG

+SAYA TIDAK TAHU PEGAWAI DAERAH YANG MANA, TAPI KALAU ADA YANG GUNA KEDUDUKANNYA UNTUK KEPENTINGAN DIRI, INI AKAN MEROSAKKAN PEMERINTAHAN,+ KATANYA.

BELIAU MENAMBAH KATA KEGIATAN SEUMPAMA ITU, KADANG-KADANG MENIMBULKAN PELBAGAI +CERITA+ YANG TIDAK TEPAT, SEPERTI KESEMUA PROSES PEMBANGUNAN ADALAH DARI PEGAWAI DAERAH DAN BUKANNYA DARI KERAJAAN.

DALAM UCAPANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI JAMINAN AKAN MEMBELA NASIB ORANG ASLI AGAR MEREKA MENCAPAI TARAF HIDUP YANG SAMA SEPERTI PENDUDUK LAIN DI NEGARA INI.

KEHIDUPAN ORANG ASLI SEMAKIN BERTAMBAH BAIK, KATANYA SAMBIL BERHARAP MEREKA AKAN SENTIASA SETIA KEPADA KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN MEMBERI PERHATIAN KHUSUS KEPADA PEMBANGUNAN KAWASAN GUA MUSANG DAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI HULU KELANTAN. -- LAGI

1235MST 29 09 90

0038

U 8857 AAB MEX
MAHATHIR - PEGAWAI 3 GUA MUSANG

BELIAU JUGA BERKATA, KERAJAAN TAHU BAHAWA ADA GOLONGAN YANG TELAH MENIPU MASYARAKAT ORANG ASLI KONONNYA PARTI PEMBANGKANG IALAH KERAJAAN YANG SEDANG MEMERINTAH NEGARA INI.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR KELANTAN, TAN SRI HAJI MOHAMED YAACOB. IA DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 300 ORANG MASYARAKAT ORANG ASLI DALAM KAWASAN GUA MUSANG.

MALAM TADI, PERDANA MENTERI MENGHADIRI MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA MASYARAKAT CINA DAN INDIA, DI DEWAN SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) DI SINI

DALAM UCAPANNYA, PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA KAUM DI NEGARA INI BEBAS MENJALANKAN AKTIVITI MASING-MASING DAN KERAJAAN SENTIASA MEMPERTIMBANGKAN KEPENTINGAN MEREKA SECARA ADIL.

BELIAU BERKATA KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN) YANG MEWAKILI SEMUA KAUM DAPAT MEMBERI KESEJAHTERAAN KEPADA RAKYAT SELAIN MENJAMIN KEAMANAN DEMI KEMAKMURAN MEREKA DAN DALAM HAL INI, RAKYAT BOLEH MENILAI KEJAYAAN PARTI PEMERINTAH SEJAK 33 TAHUN NEGARA MERDEKA.

TURUT BERUCAP PADA MAJLIS ITU IALAH PRESIDEN MCA DATUK SERI DR LING LIONG SIK, PRESIDEN GERAKAN DATUK SERI DR LIM KENG YAIK, PRESIDEN MIC DATUK SERI S. SAMY VELLU DAN MENTERI BESAR TAN SRI MOHAMED YAACOB. -- BERNAMA